



جباتن كتوا منتري ملاك

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM)

Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya
75450 AYER KEROH
MELAKA

Tel. : 06-333 3333 (Talian Utama)
Faks : Pejabat Am Ketua Menteri 06-2328330
Pejabat Setiausaha Kerajaan 06-2328350
Portal
Rasmi : www.melaka.gov.my

Ruj. Kami : JKMM.UKT.100-7/1-1 Jld.7 (48)

Tarikh : 8 Jun 2021

Semua Ketua Jabatan/ Agensi Negeri Melaka

Semua Pegawai Daerah Negeri Melaka

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua

Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

Semua Ketua Jabatan

Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/ Pengarah/ Ketua Penolong Setiausaha

Jabatan Ketua Menteri Melaka

YBhg. Datuk / Datin / Tuan/ Puan,

**BACAAN DOA DAN AYAT RUQYAH DALAM TEMPOH PELAKSANAAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DI NEGERI MELAKA BERKUAT KUASA
1 JUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan **Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa mulai 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021** adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Covid-19 Negeri Melaka Bil.14/ 2021 yang bersidang pada 8 Jun 2021 telah **bersetuju** agar rakaman bacaan doa dan ayat ruqyah oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) diperdengarkan di setiap PKRC dan Jabatan/ Agensi Kerajaan di negeri Melaka



.../2

MS ISO 9001 : 2008 REG. NO : AR 3822

MS ISO/IEC 27001:2013 REG. NO : AR 5724

“Tidak Sempurna Melawat Melaka, Jika Tidak Menyusuri Sungai Melaka”

bagi mendoakan kesejahteraan negara khususnya negeri Melaka yang pada ketika ini sedang berjuang berhadapan dengan saat getir musibah COVID-19.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk **mengambil tindakan susulan dalam kadar segera** mengenai keputusan Jawatankuasa Khas ini. YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan juga bertanggungjawab untuk memastikan semua SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dipatuhi sepenuhnya. YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk bekerjasama dalam melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan kepada semua sektor yang berkaitan dengan pihak YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan agar kita semua dapat memenangi perang terhadap wabak pandemik COVID-19 ini dengan jayanya.

4. **Arahan ini berkuat kuasa serta merta sehingga tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa 1 Jun 2021 ditarik balik. Sebarang perubahan berkaitan arahan-arahan ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada keputusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.**

Sekian, terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(**DATUK SALIFAH BINTI SALLEH**)

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

b.p : Setiausaha Kerajaan Negeri

Melaka

s.k : i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

.../3

- ii. YB Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan
Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
- iii. YB Pengerusi Negeri Jawatankuasa Negeri Kesihatan & Anti Dadah
- iv. Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Ketua Menteri Melaka
- vi. Ketua Polis Melaka, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka
- v. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
Unit Kerajaan Tempatan
- vi. Fail Timbul